

Kenapa persoal kenyataan Abdullah – PM

UM 9 SEP 1966

Oleh Idzan Ismail

KUALA LUMPUR 8 Sept. — **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** hari ini mempersoalkan kenapa kenyataan ahli Parlimen Kok Lanas, **Datuk Abdullah Ahmad di Singapura** baru - baru ini perlu dijadikan satu kontroversi sedangkan sentimen yang sama juga disuarakan oleh orang Cina dan India selama ini.

Perdana Menteri menegaskan, masyarakat dan negara ini bebas dan oleh demikian, **Datuk Abdullah** juga bebas menyuarakan pandangannya.

Beliau menarik perhatian, pandangan **Datuk Abdullah** senada dan serupa dengan apa yang pernah dilafazkan oleh orang Cina dan India di negara ini mengenai kedudukan atau status mereka.

“Ucapan (**Datuk Abdullah**) itu adalah pandangannya, beliau berucap di Singapura dan lagipun pandangan yang sama juga pernah disuarakan oleh orang Cina dan India mengenai status mereka di negara ini.

"Saya tidak fikir apa perlunya dihebohkan, lebih daripada apa yang diucapkannya," jelas Datuk Sri Dr. Mahathir kepada pemberita hari ini ketika diminta pandangannya tentang ucapan itu yang dijadikan satu isu panas sejak kebelakangan ini.

Dalam ucapan yang disampaikan di Institute of International Affairs Singapore, bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu antara lain berkata, rakyat keturunan Cina di Malaysia dan Singapura seharusnya menerima hakikat sistem politik Malaysia dikuasai Melayu dan berasaskan kepada pengaruh Melayu.

Beliau menegaskan, orang Melayu perlu berpengaruh dari segi politik di Malaysia seperti juga kaum Cina berpengaruh di Singapura.

Ekoran ucapannya itu yang teksnya disiarkan sepenuhnya oleh akhbar - akhbar tempatan, kritikan datang daripada berbagai golongan termasuk MCA dan Gerakan serta surat - surat pembaca disiarkan yang mempersoalkan motif Datuk Abdullah membuat kenyataan itu yang didakwa sebagai 'berbau perkauman.' Akhbar Straits Times Singapura dan Berita Harian Singapura juga menyiarkan teks ucapan itu semalam.

Ditanya sama ada kenyataan Datuk Abdullah itu wajar, Datuk Sri Dr. Mahathir menjawab: "Jika kita mahukan masyarakat bebas, orang bebas berbuat apa sahaja, kenapa tidak.

"Semuanya terpulang kepada rakyat dan kerajaan tidak boleh menghalang," jelasnya.

Pemuda MCA pula telah membuat aduan kepada polis mengenai ucapan Datuk Abdullah itu dan meminta tindakan dikenakan terhadapnya di bawah Akta Hasutan.

Ditanya sama ada MCA cuma memperbesar - besarkan isu yang kecil, Perdana Menteri menjawab beliau tidak tahu.

"Tetapi Datuk Lee Kim Sai (Timbalan Presiden MCA) pernah berkata kita tidak harus terlalu sensitif tentang apa yang diperkatakan olehnya.

"Kini saya tidak tahu siapa yang sensitif dan siapa yang tidak. Saya sendiri keliru," katanya yang jelas satu komen tentang kenyataan Datuk Lee yang ketika itu Setiausaha Agung MCA, meminta Ketua Pemuda UMNO, Encik Anwar Ibrahim jangan terlalu sensitif dengan kenyataan MCA mempersoalkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Dengan nada yang jelas membayangkan beliau tidak senang dengan isu-isu yang dipermainkan sekarang, Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional berkata: "Saya baru pulang dari Harare yang mana kita tinggal di cuaca yang sejuk dan nyaman iaitu 4,900 kaki lebih paras laut.

"Kini saya terpaksa berjejak di bumi nyata yang panas."

Selain kontroversi kenyataan Datuk Abdullah, kenyataan Datuk Lee Kim Sai dalam satu temuramah dengan Utusan kononnya MCA kalah kerana rakyat Cina mempersoalkan pelaksanaan DEB juga hangat diperkatakan sekarang.

Ekoran itu, Encik Anwar Ibrahim telah membidas "kata - kata sumbang" yang mempersalahkan DEB dan kenyataan itu mendapat sokongan ahli-ahli UMNO di seluruh negara.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba juga telah membuat kenyataan di Pulau Pinang bahawa kerajaan akan memerangi usaha - usaha memburukkan DEB yang dilakukan oleh anasir - anasir jahat untuk menakut - nakutkan para pelabur asing datang ke negara ini.